

13 AUG 1998

BLR-ANALISIS/I

BLR BERGERAK KE PARAS YANG LEBIH REALISTIK

Analisis

Oleh: Arshi Daud, Leslean Arshad & Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Pertambahan mudahtunai ke dalam sistem kewangan telah menghasilkan kajian semula kadar pasaran wang, melihat daripada beberapa pengumuman mengenai kadar berian pinjaman asas (BLR) yang dibuat oleh bank-bank perdagangan setiap hari.

BLR bank-bank perdagangan kini turun ke paras yang lebih realistik, beberapa daripadanya hingga ke 11.40 peratus, berikutan langkah Bank Negara Malaysia (BNM) mengurangkan kadar campurtangan ke 10 peratus baru-baru ini.

Keadaan ini tentunya jauh berbeza daripada senario pada Disember 1997 di mana kadar pinjaman efektif bagi pengusaha-pengusaha perniagaan adalah setinggi 20 hingga 21 peratus, sementara bank-bank memberikan pinjaman di antara mereka pada kadar 11 peratus.

Jelaslah bahawa teras utama dasar kewangan kerajaan adalah menstabilkan sistem kewangan dan mengadakan suasana perbankan yang sesuai yang akan merangsang kegiatan ekonomi.

Bagaimanapun, banyak pihak berkata dalam mencapai objektif-objektif ini, kerajaan tidak harus menghadapi risiko aliran keluar modal dengan tidak menggalakkan simpanan swasta yang akan terus melemahkan ringgit.

"Menurunkan kos menjalankan perniagaan tentunya akan membantu, sebahagian daripadanya, ke arah suasana perniagaan yang lebih sesuai.

"Bagaimanapun, ia akan mengambil masa sebelum BLR yang lebih rendah akan memulihkan ekonomi Malaysia," kata penganalisis perbankan TA Securities Sdn Bhd, Chie Kieng Ngu.

Beliau memberitahu Bernama bahawa pengusaha-pengusaha perniagaan dilihat tidak tergesa-gesa menimbang semula keputusan pelaburan mereka, terutamanya jika mereka terlibat dalam projek-projek yang ditangguhkan, yang memerlukan suntikan modal yang banyak.

Banyak syarikat kini lebih suka melihat daya maju projek-projek yang ditangguhkan dan perkembangan ekonomi dunia sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan.

Bagaimanapun, Chie menambah bahawa pengusaha-pengusaha perniagaan akan mengaut faedah segera daripada pinjaman yang lebih murah dengan pengurangan BLR jika bank-bank bermurah hati dalam kegiatan peminjaman mereka.

"Bank Negara menguji keadaan dua minggu lepas dengan menurunkan kadar campurtangan sebanyak 50 mata asas kepada 10.50 peratus dan gembira kerana ia memberi kesan minimum kepada ringgit," katanya. Pada 7 Ogos, bank pusat itu mengumumkan penurunan 50 mata asas lagi kepada 10 peratus.

Chie berkata pasaran menjangkakan Bank Negara akan mengulangi amalan campurtangannya di pasaran wang dalam tempoh terdekat walaupun ia pernah berkata kadar campurtangan 10.0 peratus akan kekal.

"Mereka (Bank Negara) perlu memerhati kadar penyusutan nilai ringgit... jika penyusutan itu tidak lebih cepat daripada matawang-matawang rantau ini, mungkin kadar campurtangan itu akan terus dikurangkan dan seterusnya membantu pemulihan ekonomi tempatan," katanya.

Menjelang akhir tahun, Chie menganggarkan bahawa BLR akan jatuh hingga ke 10.3 peratus, jika bank pusat meneruskan usahanya untuk menurunkan kadar campurtangan.

Malayan Banking Bhd yang merupakan bank perdagangan terbesar negara mengkaji semula BLRnya kepada 11.40 peratus Jumaat lepas, menjadikannya yang terendah setakat ini.

Bank-bank lain juga mengurangkan BLR mereka, termasuk Bank Bumiputra Bhd, RHB Bank (11.50 peratus) dan Bank of Commerce, ABN AMRO Bank (11.60

peratus) dan Phileo Allied Bank (12 peratus).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir mengetuai usaha ke arah kadar faedah yang lebih dengan berkata bahawa banyak pengusaha-pengusaha perniagaan mengalami masalah dalam suasana mudahtunai yang ketat, matang yang amat lemah dan harga-harga aset yang makin meningkat.

Beliau juga mengkritik bank-bank kerana tidak bekerjasama dengan kerajaan dengan menyimpan wang dan mengambil balik kredit.

"Jika mereka tidak percaya dengan ekonomi, mereka seharusnya gulung tikar," kata Perdana Menteri. Beliau menambah bahawa kerajaan akan berusaha ke arah satu formula untuk mengurangkan julat faedah bank-bank.

Dr Mahathir juga menyatakan kekecewaan beliau terhadap pendirian bank-bank dalam mempertahankan regim kadar faedah yang tinggi apabila pengusaha-pengusaha perniagaan bergelut untuk menyesuaikan diri dengan kekangan mudahtunai yang makin meningkat.

Penganalisis lain berkata tindakan berimbang antara kadar faedah, simpanan dan kekuatan matawang adalah penting dalam mengekalkan suasana kewangan yang stabil.

"Malangnya, tiada cara saintifik dalam mengenal pasti alat-alat fiskal dan kewangan yang akan memberikan hasil yang ideal, tetapi pemotongan kadar campurtangan oleh Bank Negara dan kemudiannya pengurangan BLR bank-bank perdagangan adalah langkah yang betul.

"Secara keseluruhannya, pemotongan BLR menangani masalah kos dana dan kadar pinjaman sektor perbankan yang amat penting kepada pengusaha-pengusaha dan orang ramai yang kini boleh mendapatkan pinjaman pada kadar yang lebih disukai," tambahnya.

Profesor Madya Mohd Khir Ashari daripada Fakulti Kajian Perniagaan dan Pentadbiran, Universiti Teknologi Tun Abdul Razak, mempunyai pandangan bahawa pengurangan BLR tidak bermakna bank-bank sedia untuk memberikan lebih banyak pinjaman di bawah keadaan ekonomi sekarang.

"Bank-bank akan memberikan pinjaman hanya kepada perniagaan yang berdaya maju dan yang boleh berkembang, dan membantu mencergaskan semula ekonomi negara."

Mohd Khir berkata "pinjaman yang lebih murah" kepada ahli-ahli perniagaan bermakna komitmen bulanan kepada bank akan menjadi lebih rendah.

Ahli akademik lain berkata oleh kerana lebih banyak dana dijangka dilepaskan ke dalam sistem kewangan, bank-bank akan berupaya untuk menambahkan pinjaman mereka.

Dr Mohd Aslam Haniff, Dekan Kuliah Ekonomi Universiti Islam Antarabangsa, berkata bank-bank harus mengumpul sumber-sumber mereka dan memberikan lebih banyak pinjaman untuk merangsang pertumbuhan tanpa mempengaruhi kadar tukaran asing, yang selalunya akan dipengaruhi oleh kadar faedah.

Sambil merujuk kepada keperihatinan utama Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) untuk menstabilkan ringgit, beliau berkata sebarang kesan kepada kadar tukaran asing boleh dihapuskan dengan aliran masuk lebih banyak pelaburan langsung asing ke dalam negara.

Mengenai sama ada bank-bank akan mampu memberikan lebih banyak pinjaman berikutan pemotongan BLR, beliau berkata; "Kita tunggu dan lihat. Ianya terletak kepada bank-bank untuk memutuskannya dan ia akan bergantung kepada keutamaan pinjaman mereka."

Apabila ditanya sama ada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara akan diperbaiki dengan BLR yang lebih rendah, Mohd Aslam berkata ianya terlalu awal untuk dipastikan, tetapi jika ia (peningkatan KDNK) menjadi kenyataan, kelembapan ekonomi tidak akan berpanjangan hingga ke tahun depan. --

BERNAMA

AD ZMY LES JR OS